



kaunseling Remaja

Prof Madya Datin Dr Sapora Sipon Menjawab

Jika anda menghadapi masalah percintaan, pembelajaran, kewangan, keluarga dan perkara peribadi yang sukar diselesaikan, pakar kaunseling Universiti Sains Islam Malaysia (Usim) sedia membantu. Hantarkan masalah anda lengkap dengan nama dan alamat penuh kepada Ruangan Pengelola Kaunseling Remaja, Harian Metro, Balai Berita, 31, Jalan Riong, 59100 Bangsar, Kuala Lumpur atau e-mel kepada rencana@hmetro.com.my

Gay ingin bertaubat

Soalan

SAYA pelajar sekolah menengah yang menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini. Pada mulanya saya seorang yang normal.

Adatlah seorang remaja mula berminat terhadap pasangan yang berlainan jenis apabila meningkat dewasa.

Saya pernah menjalin hubungan cinta dengan wanita. Namun, apabila saya berumur 16 tahun, minat saya terhadap wanita makin pudar dan akhirnya berminat dengan pasangan sejenis.

Saya juga mempunyai kenalan dari seluruh Malaysia yang bernafsu sama dengan saya. Setakat ini alhamdulillah, saya belum pernah mengadakan hubungan seks dengan mereka cuma melakukan onani bagi memuaskan nafsu.

Dr, saya tahu perkara ini salah dan dosa besar lebih-lebih lagi saya seorang Islam. Apa yang perlu saya lakukan untuk kembali ke pangkal jalan?

PELAJAR GAY,
Terengganu

Jawapan

MERASA terperangkap Mantara naluri seksualiti dengan rasa bersalah dari sudut agama adalah konflik



yang sering memenjarakan emosi.

Sesuatu yang positif mengenai diri adik ialah rasa ingin bertaubat. Keinginan adik berubah dan bertaubat adalah satu langkah permulaan kepada tingkah laku seksualiti yang normal. Ini menunjukkan betapa adik mempunyai tekad untuk tidak menjadi insan yang abnormal dorongan seksualitinya.

Keinginan seksualiti songsang adik berada di peringkat awal dan boleh

diubah dengan lebih mudah jika dibandingkan dengan mereka yang tegar dalam perkara ini.

Secara psikologi, Dr tahu bukan mudah adik mengalih keinginan daripada kaum sejenis kepada kaum hawa kerana ia membabitkan dorongan seksual.

Namun, ia tidak mustahil untuk dicapai. Apa yang penting ialah memerlukan fokus diri dan berusaha bersungguh-sungguh.

Keyakinan diri adalah

faktor penting. Dr akan sentiasa mendoakan adik mendapat hidayah Allah SWT untuk dapat berubah dan menjadi insan lebih baik.

Antara langkah awal adik berubah ialah melalui pemikiran bahawa lelaki dicipta bukan untuk lelaki. Tanamkan dalam pemikiran dan perasaan bahawa fitrah dan lumrah kehidupan ialah pasangan lelaki ialah perempuan. Begitulah sebaliknya.

Dr melihat adik masih lagi dapat mengawal diri dari-

pada melakukan hubungan seks sejenis walaupun mempunyai kenalan dari seluruh Malaysia yang bernafsu sama dengan adik.

Kawalan diri ini sangat penting supaya adik tidak terjebak dalam perbuatan yang dilaknat Allah SWT.

Banyak cara yang boleh digunakan untuk mengurangkan keinginan kepada kaum sejenis dan akhirnya memberhentikan perbuatan onani.

Kaedah bersifat saintifik

boleh digunakan melalui terapi aversi. Terapi ini bagaimanapun dianggap kurang beretika kerana ia menyakitkan.

Intervensi yang lebih bersifat kaunseling ialah dengan menulis segala perasaan dan pengalaman dalam bentuk penulisan.

Keinginan adik untuk tidak terbabat dengan hubungan sejenis juga boleh dicatatkan dalam jurnal ini. Untuk mengelak daripada memikirkan mengenai keinginan seks, adik boleh memenuhi kehidupan adik dengan aktiviti yang membabitkan fizikal.

Dari sudut agama, langkah awal ialah dengan kerap kali beristighfar dan bertaubat. Seterusnya, menyesali perbuatan adik yang songsang itu dan membencinya semata-mata kerana takut azab Allah.

Sebutan dan lafaz istighfar tidak hanya berada setakat di mulut. Apa yang lebih penting ialah kita turut menangis menginsafi dosa dan azab Allah.

Adik juga mesti bertekad untuk tidak mengulangi segala perbuatan keinginan seksualiti songsang itu. Dan mohonlah supaya Allah berikan adik kekuatan untuk menghindarinya. (bicarakalbu blog spot.com)

Soalan

SAYA mempunyai masalah dan menanggungnya agak lama. Saya menyamar sebagai lelaki dan mengenali seorang wanita secara dalam talian. Dia mengenali saya sebagai seorang lelaki.

Pada mulanya saya dan dia hanyalah kawan biasa, tapi akhirnya hubungan kami menjadi rapat dan intim. Dia mengajak saya berkahwin dan sejak itu saya mulai menjauhkan diri.

Saya sedar permintaan itu tidak dapat saya penuhi kerana saya wanita. Sejak itu kami selalu bergaduh dan akhirnya penyamaran saya terbongkar apabila dia datang mencari saya dan menyedari saya bukanlah seorang lelaki.

Dia teramat marah dengan tindakan saya memainkan hatinya.

Saya sendiri tidak mahu semua ini berlaku walaupun sedar saya akan mengecewakannya satu hari nanti. Saya tidak dapat memutuskan hubungan dengannya kerana takut dia akan kecewa.

Untuk pengetahuan puan juga, sepanjang berkawan dengannya saya banyak menghabiskan duit untuk membuat dia sentiasa gembira.

Tapi selepas semuanya terbongkar dia sangat membenci saya dan tidak mahu mema-

afkan saya walaupun sudah berkali-kali memohon maaf dengannya dan berjanji tidak akan mengulangi perbuatan itu lagi. Dia juga ingin mengemukakan saman terhadap saya kerana memalukannya.

Sekarang saya benar-benar insaf dan sedar akan perbuatan saya itu dan ingin melupakannya serta menjalani kehidupan baru, tapi dia selalu mengganggu dan mengugut saya walaupun sudah tidak berhubung dengannya lagi.

Saya amat buntu dan berharap dapat memberi sedikit pandangan apa perlu dilakukan

sekarang.

WANITA DILEMA,
Kuala Lumpur

Jawapan

SEMEMANGNYA orang yang tertipu akan merasa diri tidak dihargai malah ada yang merasa seperti dihina dan dipijak maruahannya. Konsep kendiri mangsa yang ditipu juga menjadi rendah seolah-olah dirinya menjadi barang permainan. Justeru, apabila kenalan dalam talian adik merasa teramat marah dengan tindakan adik, ia sesuatu yang boleh difaha-

kan. Kemarahan kenalan adik masih tidak dapat dibendung sehingga dia ingin menyaman adik selain daripada mengganggu dan mengugut adik.

Luahan perasaan itu adalah salah satu cara dia melepaskan segala perasaan negatif terhadap tindakan adik. Psikologi orang yang tengah marah ialah tidak dapat berfikir dan merasa secara rasional dan wajar.

Dr memuji tindakan adik memohon maaf kerana ia satu tindakan yang bijak. Api jangan dibalas dengan api. Ia akan menjadi merebak

sehingga marak membesar api itu dan membakar seluruh apa yang ada.

Teruskan memohon maaf itu. Cara terbaik lain melembutkan hati orang yang sedang marah ialah melalui zikir dan ayat-ayat Allah SWT dan mohon doa agar Allah SWT melembutkan hati mereka yang keras. Amalkan doa ini. "Ya Allah, lembutkan hatinya seperti mana Engkau lembutkan besi".

Namun jika kenalan adik bertegas untuk menyaman adik, persediaan untuk bertindak balas juga perlu dilakukan. Bagaimanapun, marilah sama-sama kita harapkan kemarahan kenalan adik itu tidak sampai membawa kepada tindakan mahkamah.

Padah menyamar tipu wanita